

Jawapan Lengkap Cabarán KBAT

TINGKATAN 5

BAB 2

Unsur tradisional yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan ialah pemerintahan beraja, peruntukan berkaitan dengan agama Islam, peranan bahasa Melayu dan kedudukan orang Melayu dan bumiputera. Penerapan ciri tradisional tersebut dalam pentadbiran negara kita melalui peruntukan Perlembagaan Persekutuan mampu membentuk persefahaman yang boleh mengukuhkan perpaduan di negara kita.

Pertama dari aspek pemerintahan beraja, kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara menjadi punca kedaulatan dan kemuliaan negara. Pengamalan prinsip kedua Rukun Negara, iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara menyerlah semangat tumpuan taat setia dan membentuk perpaduan rakyat berbilang kaum.

Kedua, agama Islam yang menjadi agama rasmi dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, kini diiktiraf sebagai Agama Persekutuan di negara kita. Namun begitu, agama-agama lain bebas untuk diamalkan. Amalan kebebasan beragama mampu mewujudkan perasaan hormat-menghormati antara kaum selari dengan prinsip pertama Rukun Negara, iaitu Kepercayaan kepada Tuhan.

Ketiga, bahasa Melayu sebagai *lingua franca* pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, kini menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah sehingga ke institut pengajian tinggi awam berupaya memupuk semangat kekitaan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di negara kita.

Akhir sekali, kedudukan orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah secara tradisi berada di bawah Raja dan ketua peribumi, kini dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu, kepentingan sah kaum-kaum lain juga diiktiraf dan berada di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong. Institusi beraja termasuk Yang di-Pertuan Agong menjadi penaung rakyat melangkaui agama, bangsa dan budaya mampu menjadi simbol perpaduan rakyat.

Tuntasnya, penerapan ciri tradisional dalam pentadbiran negara kita melalui peruntukan Perlembagaan Persekutuan mampu membentuk jati diri yang mengukuhkan persefahaman dan permufakatan rakyat berbilang kaum di negara kita.

(Mana-mana jawapan munasabah diterima)
(Maksimum = 8 markah)